

DATE : 02 MAY 2017
 PUBLICATION : BERITA HARIAN
 SECTION : BISNES
 HEADLINE : INDEKS FBM KLCI DIUNJUR 1,800 MATA
 CATEGORY : MENTION
 MEASUREMENT : 245.6CM²
 TONE : NEUTRAL
 REMARKS : NIL

Indeks FBM KLCI diunjur 1,800 mata

Saham & Anda



Zainaf Ariffin Osman
 Pemegang lesen Wakil Peniaga dan Pasaran Hadapan berdaftar di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Bagi minggu ke-17 tahun ini dan terakhir bagi bulan April 2017, pasaran dibuka tinggi dengan Indeks FBM KLCI menokok 9.06 mata kepada 1,765.08 mata, berbanding penutup minggu sebelumnya, 1,756.05. Ini disebabkan pelarasan pasaran berikutan pasaran ditutup, sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 pada Isnin.

Indeks penanda aras Bursa Malaysia itu terus meningkat dan mencapai paras tertinggi 1,765.57 dan tutup pada 1,768.06, iaitu 12 mata lebih tinggi berbanding penutup minggu sebelumnya.

Paras ini adalah paras tertinggi sejak Mei 2015. Antara petunjuk positif untuk pasaran adalah pelabur asing masih aktif dan mengekalkan aliran masuk bersih sepanjang minggu ini.

Ringgit juga mula mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Untuk jangka panjang, Indeks FBM KLCI dijangka terus meningkat hingga ke 1,800 mata.

Bagi jangka sederhana dan pendek, berkemungkinan indeks akan berlegar di kawasan 1,750 berikutan kurangnya petunjuk ekonomi dan korporat dalam Mei.

Faktor geopolitik di seluruh dunia dan berita ekonomi Presiden AS, Donald Trump juga akan mempengaruhi sentimen pelabur dan mereka akan mengambil sikap berhati-hati untuk memasuki pasaran.

Untuk minggu baru berlalu, pasaran dibuka semula pada Selasa, berikutan cuti umum sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong.


KLCI naik 9.75 mata atau + 0.56 peratus untuk ditutup pada 1,765.80, kenaikan ini disokong oleh kenaikan harga saham sektor perbankan untuk tiga hari berturut-turut.

Pasaran saham Asia meningkat apabila Emmanuel Macron mendahului sebagai calon pilihan dalam Pilihan Raya Presiden Perancis.

Dengan kebimbangan terhadap China dan Korea Utara terhenti seketika, pelabur mengalihkan perhatian kepada perkara lain yang berpotensi untuk menggerakkan pasaran, seperti pendapatan korporat AS.

Jumlah dagangan meningkat kepada 3.12 bilion saham dari 3.65 bilion (38.29 peratus), manakala nilai dagangan meningkat dari RM2.64 bilion kepada RM3.13 bilion (+ 38.95 peratus). Semua indeks meningkat, kecuali FBM ACE yang sedikit menurun.

PERGERAKAN FBM KLCI



Kaunter untung, termasuk AMMB + RM0.28 (+ 5.42 peratus), KLCCP + RM0.15 (+ 1.92 peratus), CIMB + RM0.14 (+ 2.50 peratus) dan SUNCON + RM0.14 (+ 7.53 peratus). Kaunter rugi, termasuk BAT -RM0.80 (-1.72 peratus) dan UZMA -RM0.09 (-4.79 peratus).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk asing bersih adalah RM415.2 juta, manakala Ringgit mengukuh berbanding dolar AS pada 4.373.

Pada Rabu, indeks dibuka dua mata lebih tinggi dan ditutup naik 3.12 mata atau + 0.18 peratus untuk ditutup pada 1,768.92. Kenaikan ini dirangsangkan oleh kenaikan harga saham bank empat hari berturut-turut.

Ekuiti di Asia ditutup tinggi
 Ekuiti di Asia ditutup tinggi dengan disokong oleh laporan pendapatan korporat yang kukuh di AS, kenaikan dolar / yen dan juga pelan cukai Trump.

Berbanding angka dagangan hari sebelumnya, jumlah dagangan menyusut ke 3.55 bilion dari 3.65 bilion saham (-2.84 peratus) manakala nilai perdagangan meningkat sedikit daripada RM3.11 bilion kepada RM3.13 bilion (+ 0.58 peratus).

Semua indeks meningkat kecuali perlombongan dan sektor perindustrian

Kaunter untung, termasuk HLFG + RM0.32 (+ 1.98 peratus), Maybank + RM0.15 (+ 1.17 peratus), DNEK + RM0.045 (+ 8.11 peratus),

HLIND + RM0.31 (+ 3.18 peratus) dan POS + RM0.17 (+ 3.33 peratus). Rugi termasuk KLCCP -RM0.15 (-1.88 peratus) dan Allianz -RM0.20 (-1.74 peratus).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk asing bersih adalah RM359.1 juta, manakala Ringgit terus mengukuh berbanding dolar AS pada 4.34.

Pada Khamis, FBM KLCI ditutup rendah satu mata kepada 1,767.92 (-0.06 peratus), berikutan pengumuman pemotongan cukai korporat di AS.

Jumlah dagangan di pasaran menurun daripada 3.55 bilion kepada 3.45 bilion (-5.69 peratus) dengan nilai dagangan turun dari RM3.13 bilion kepada RM2.77 bilion.

Apa yang di perhatikan adalah Indeks Bursa Malaysia Mid 70, masih melanjutkan kenaikannya dengan disokong oleh sektor Kawangan, sektor teknologi dan sektor pengguna.

Kaunter untung, termasuk Hong Leong Financial Group + RM0.18 (+ 1.09 peratus), Allianz + RM0.18 (+ 1.77 peratus), Vitrox + RM0.39 (+ 7.37 peratus), Elsoft + RM0.09 (+ 4.27 peratus), CAB Cakaran + RM0.18 (+ 7.35 peratus), Yinson + RM0.11 (+ 3.47 peratus), Mega First + RM0.20 (+ 5.75 peratus), Dialog + RM0.05 (+ 2.7 peratus), dan Serba Dinamik + RM0.04 (+ 2.09 peratus). Rugi termasuk BAT -RM1 (-2.17 peratus), Scientex -RM0.31 (-3.46 peratus) dan Genting -RM0.13 (-1.31 peratus).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk asing bersih adalah 267.7 juta, manakala ring-

git meningkat kepada RM4.346 berbanding dolar AS.

Pada Jumaat dan hari terakhir untuk April, KLCI ditutup naik 0.14 mata pada 1,768.06 (+ 0.01 peratus).

Pasaran dibuka pada paras 1,767.98 dan meningkat hingga 1,772.21, paras tertinggi untuk minggu lalu.

Indeks gagal bertahan

Indeks gagal bertahan berikutan kembalinya perasaan kurang senang terhadap ketegangan geopolitik di Timur Laut Asia dan kelemahan sentimen pasaran menjelang pengumuman mengenai Suku pertama 2017 KDNK AS.

Jumlah dagangan di pasaran menurun daripada 3.45 bilion kepada 3.102 bilion, (-10.1 peratus). Bagaimanapun nilai dagangan meningkat sedikit kepada RM2.896 bilion, berbanding RM2.77 bilion pada hari sebelumnya.

Walau kenaikan yang minimum, sektor Perdagangan dan Perkhidmatan Perbinaan dan Kawangan masih meningkat, manakala sektor Teknologi dan Pembuatan menurun.

Kaunter untung termasuk Bursa Malaysia (+ RM0.18), Hong Leong Financial Group (+ RM0.18), RHB Bank (+ RM0.18), Southern Steel (+ RM0.18), Ann Joo Resources (+ RM0.13), Mega First (+ RM0.11) dan WCT (+ RM0.10).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk asing bersih hari ini adalah RM267.7 juta, manakala ringgit meningkat kepada 4.310 berbanding dolar AS.